

Mahasiswa peneraju transformasi negara



Konvensyen ini bukan menjadi wadah perbincangan semata-mata tetapi ia merupakan himpunan pemimpin-pemimpin pelajar universiti untuk berkongsi pengetahuan maklumat bagi memastikan kelangsungan kecemerlangan pemimpin pelajar sebagai entiti penting dalam menyumbang idea-idea kepada pembangunan negara

Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin
Menteri Pengajian Tinggi

GENERASI muda khususnya penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT) turut diberi ruang, peluang dan kepercayaan dalam merealisasikan program transformasi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, transformasi yang dilaksanakan kerajaan turut memberi ruang kepada pelajar-pelajar IPT menunjukkan kemantangan dalam isu-isu yang mencakupi kepentingan rakyat dan negara.

"Kita mahu generasi baharu hari ini di kesemua universiti lebih peka, lebih prihatin, lebih tahu, lebih sedar, lebih bermaklumat tentang apa yang perlu mereka lakukan untuk membawa negara ke tahap yang lebih hebat."

"Generasi muda juga perlu diberi kepercayaan dan kerajaan telah membuktikannya menerusi pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang membuka ruang kepada pelajar-pelajar IPT melibatkan diri dalam politik kepartian," katanya ketika berucap menyampaikan amanat dalam majlis Perdana Menteri Bersama Pemimpin Pelajar IPT sempena Konvensyen Pelajar IPT 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), baru-baru ini.

Konvensyen Pemimpin Pelajar IPT 2012 itu diadakan sebagai satu platform penting dalam meningkatkan hala tuju pemimpin pelajar IPT, selain berupaya mengukuhkan hubungan dan penyatuan antara kerajaan dan mahasiswa.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam ucapan perasmian konvensyen berkenaan berkata, konvensyen yang menghimpunkan pemimpin-pemimpin pelajar dari seluruh negara ini bermatlamat untuk meningkatkan fungsi dan peranan pewaris kepimpinan negara pada masa hadapan.

"Konvensyen ini bukan menjadi wadah perbincangan semata-mata tetapi ia merupakan himpunan pemimpin-pemimpin pelajar universiti untuk berkongsi pengetahuan maklumat bagi memastikan kelangsungan kecemerlangan pemimpin pelajar sebagai entiti penting dalam menyumbang idea-idea kepada pembangunan negara.

"Wadah dalam perbincangan ini membina proses kefahaman dan permuafakatan selain meningkatkan peranan pemimpin pelajar dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab dalam menjaga kebijakan mahasiswa di universiti," katanya.

Seramai 500 pemimpin pelajar IPT termasuk pemimpin pelajar dari Politeknik dan Kolej Komuniti dari seluruh negara menghadiri konvensyen selama tiga hari dua malam itu anjuran Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP), Jabatan Pengajian Tinggi. Mohamed Khaled berkata, melalui

perbincangan antara pemimpin-pemimpin pelajar ini berupaya memikirkan penyelesaian dalam berdepan dengan isu dan cabaran semasa di peringkat nasional dan antarabangsa.

Sebagai pemimpin pelajar yang mengetuai badan kepimpinan di universiti, jelasnya, mereka perlu responsif dan peka kepada persekitaran melalui kecemerlangan kualiti dan tanggungjawab dalam menjayakan hala tuju universiti dan negara.

Selain itu, melalui perkongsian idea ini juga melatih pemimpin pelajar IPT untuk berkongsi maklumat kepada pemimpin-pemimpin pelajar lain tentang cabaran kepimpinan pelajar yang bakal dihadapi dalam kampus.

"Saya berharap konvensyen ini menyediakan platform kepada mereka membentuk kerjasama yang lebih erat dengan pihak kementerian dan universiti dalam usaha menjalankan amanah dan tanggungjawab diberikan.

"Malah ia menjadi pemangkin kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dalam menyalurkan penghayatan sejati reformasi intelektual yang dinamis terhadap kecemerlangan sahsiah dan jati diri universiti," katanya.

Dalam pada itu, Mohamed Khaled berkata, konvensyen ini juga memperkuatkannya lagi landasan dan pendekatan diplomasi yang telah diperkenalkan oleh kerajaan khususnya dalam mendekati golongan pemimpin pelajar di IPT.

"Konvensyen yang diadakan ini bukanlah sekadar pertemuan tahunan yang menemukan barisan kepimpinan pelajar IPT sahaja, sebaliknya ia merupakan sebahagian daripada usaha kementerian dalam mewujudkan iklim dan persekitaran yang kondusif dalam gerakan kepimpinan pelajar itu sendiri.

"Dalam erti kata lain, konvensyen seumpama ini dapat memperkuatkannya usaha kerajaan dalam memartabatkan dan menghargai peranan pemimpin pelajar IPT di negara kita," katanya.

OBJEKTIF KONVENSYEN PEMIMPIN PELAJAR IPT

- Meningkatkan impak, nilai dan kecemerlangan kualiti peranan, tugas, tanggungjawab dan hala tuju pemimpin pelajar IPT Malaysia;
- Melatih pemimpin pelajar IPT untuk menjayakan agenda universiti dan negara;
- Memberi maklumat umum kepada pemimpin pelajar tentang cabaran dan rintangan yang bakal dihadapi di dalam organisasi kepimpinan pelajar kampus serta persekitarannya;
- Menyediakan wadah kepada pemimpin pelajar IPT membentuk satu kerjasama lebih erat dengan pihak pengurusan universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan; dan
- Menyediakan wadah yang berupaya menyalurkan penghayatan sejati dan reformasi intelektual yang dinamis terhadap kecemerlangan sahsiah dan jati diri pemimpin pelajar IPT.